

Bahagian A

(10 markah)

(Masa dicadangkan : 15 minit)

Tulis lima ayat yang lengkap tentang aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam gambar.




1 _____

2 _____

3 _____

4 _____

5 _____



Bahagian B
(30 markah)
(Masa dicadangkan : 40 minit)

Bagi Bahagian B, kamu perlu menjawab kedua-dua soalan, iaitu soalan 1 dan soalan 2.

Soalan 1


Lengkapkan petikan di bawah dengan perkataan yang diberikan.

*persegi / kemerdekaan / tertua / kawasan / dikenali /
meter / Taman Negara / ditukarkan / meliputi / terpanjang*

Titi gantung yang (1)_____ di Malaysia ialah titi gantung yang terdapat di (2)_____ Pahang. Panjangnya ialah 230 (3)_____.

Kawasan Taman Negara ini juga merupakan (4)_____ Hutan Hujan Tropika yang (5)_____ di dunia. Hutan ini berusia 130 juta tahun. Luasnya pula ialah 4400 kilometer (6)_____.


Kawasan Taman Negara ini (7)_____ tiga buah negeri iaitu Terengganu, Kelantan dan Pahang. Sewaktu dibuka, taman ini lebih (8)_____ dengan nama Taman Negara King George V. Setelah negara kita mencapai (9)_____ pada tahun 1957, namanya telah (10)_____ kepada Taman Negara sahaja.



Soalan 2

Tulis sebuah karangan berdasarkan gambar dan perkataan yang diberikan di bawah.

Karangan anda hendaklah tidak kurang daripada 50 patah perkataan.



Hujan turun – lebat – air mulai naik – mengemaskan pakaian – buku-buku dan peralatan sekolah – membantu ayah – bantuan tiba – naik sampan – ramai mangsa – tinggal di balai raya - bersyukur

Tajuk : _____

Bahagian C

(20 markah)

(Masa dicadangkan : 20 minit)

Baca dan jawab soalan –soalan di bawah:-

Saliran Mesra Alam

Saliran mesra alam ialah saliran yang mengekalkan alam semula jadi. Saliran mesra alam dapat dilaksanakan di kawasan pedalaman atau di bandar.

Sumber air saliran mesra alam di kawasan pedalaman diperoleh daripada air mata air atau air bukit di kolam tadahan. Air itu ditakung kemudian dipam ke tangki khas. Dari tangki itu, air disalurkan ke rumah-rumah menggunakan batang paip. Kaedah ini tidak menjejaskan alam sekitar dan dapat menjimatkan wang.

Saliran mesra alam di bandar pula dilakukan dengan cara mengekalkan aliran sungai yang terdapat di bandar. Pembinaan bangunan tidak merosakkan saliran sedia ada. Sistem saliran mesra alam di bandar perlu diurus secara terkawal supaya aliran air hujan atau air yang telah digunakan dapat mengalir dengan lancar.

Lihat Halaman Sebelah

1. Apakah saliran mesra alam?

Saliran mesra alam ialah _____

2. Di manakah saliran mesra alam ini dapat dilaksanakan?

Saliran mesra alam ini dapat dilaksanakan di _____

3. Di manakah sumber air saliran mesra alam di kawasan pedalaman diperoleh ?

Sumber air saliran mesra alam di kawasan pedalaman

Diperoleh daripada _____

4. Mengapakah sistem saliran mesra alam di bandar perlu diurus secara terkawal?

Sistem saliran mesra alam di bandar perlu diurus secara

terkawal supaya _____

KERTAS SOALAN TAMAT

/20